

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia,  
Tingkat 9-14, Bangunan U.M.B.C.  
Jalan Sulaiman, Kuala Lumpur.

5hb September, 1973.

## **SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 20 TAHUN 1973**

**Penempatan ke dalam perjawatan tetap dan berpencen bagi Pegawai-pegawai/Guru-guru Sementara (kerana perkahwinan) yang dahulunya Pegawai-pegawai/Guru-Guru bukan Kerajaan.**

Pegawai-pegawai/Guru-Guru perempuan bukan Kerajaan sementara kerana perkahwinan yang telah memilih memasuki Perkhidmatan Pelajaran mengikut [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1971](#) telah menjadi kakitangan Kerajaan secara sementara mulai daripada satu haribulan berikutan dengan pilihan mereka itu.

2. Dasar yang terkandung dalam [Perintah Am Bab A 65](#) (1973) untuk kakitangan Kerajaan bermaksud bahawa seseorang pegawai perempuan itu tidak akan disarakan semata-mata kerana perkahwinan melainkan jika di dapati dengan kerana perkahwinan kecekapan pegawai berkenaan adalah terganggu. Berkaitan dengan hal ini Kerajaan telah memutuskan untuk menawarkan perlantikan tetap kepada pegawai-pegawai/guru-guru perempuan yang menjadi sementara kerana perkahwinan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) Mereka telah melakukan pilihan sendiri untuk berpindah ke tanggagaji bersih mengikut [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10/71](#); dan
- (ii) Jawatan-jawatan yang disandang itu adalah jawatan-jawatan tetap dan berpencen.

3. Untuk tujuan lantikan ini, pegawai-pegawai/guru-guru perempuan berkenaan akan diberi pilihan sendiri samada hendak menerima taraf tetap dan berpencen atau terus berkhidmat secara sementara. Mereka yang memilih taraf tetap akan dilantik ke dalam perkhidmatan tetap mulai daripada tarikh perlantikan mereka secara sementara ke dalam Perkhidmatan Pelajaran mengikut [Pekeliling Perkhidmatan Bil.10/71](#), iaitu pada satu haribulan berikutan dengan pilihan mereka ke tanggagaji bersih.

4. Untuk maksud perlantikan mereka ke jawatan tetap dan berpencen Ketua-ketua Jabatan adalah diminta memberitahu Lembaga yang diwakilkan kuasa menurut Surat Penurunan Kuasa 33/71 seperti yang terkandung dalam perenggan 99 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1971](#) akan pegawai-pegawai yang berkelayakan untuk diberi pilihan bagi maksud ini. Pengerusi Lembaga akan menggunakan borang dalam [Kembaran 'A'](#) untuk memberikan pilihan tersebut. Pegawai-pegawai/guru-guru perempuan sementara yang terlibat itu adalah dikehendaki membuat pilihan sendiri dengan menggunakan borang di [Kembaran 'B'](#) dalam 3 salinan. Pilihan sendiri itu hendaklah dibuat dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh Surat Pekeliling ini dan pegawai-pegawai yang tidak membuat pilihan sendiri dalam tempoh pilihan tersebut akan disifatkan sebagai tidak memilih untuk

dilantik ke jawatan tetap dan berpencen. Pilihan sendiri ini tidak boleh dibatalkan.

5. Lembaga berkenaan akan menyampaikan kelulusan supaya pegawai itu dilantik ke jawatan tetap dan berpencen dengan menggunakan borang di [Kembaran 'C'](#). Bagi pegawai-pegawai/guru-guru yang memilih untuk terus berkhidmat sebagai pegawai-pegawai sementara pilihan mereka tidak perlu dihantar kepada Lembaga yang berkenaan tetapi Ketua-Ketua Jabatan hendaklah mencatatkan pilihan itu dalam Buku Perkhidmatan mereka. Bagi mereka yang memilih taraf tetap satu salinan [Kembaran 'B'](#) bersama-sama dengan kelulusan dalam [Kembaran 'C'](#) hendaklah dihantar kepada Ketua Setiausaha, Kementerian Pelajaran dan Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk rekod.

6. Pengarah Pelajaran atau Ketua Jabatan berkenaan hendaklah mendaftarkan pilihan itu dan mencatatkan dalam Buku Perkhidmatan pegawai/guru yang berkenaan catitan seperti berikut :-

"Telah memilih untuk dilantik ke jawatan tetap dan berpencen mulai daripada  
..... menurut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan  
.....Tahun....."

ATAU

"Telah memilih untuk berkhidmat terus sebagai pegawai sementara menurut Surat  
Pekeliling Perkhidmatan Bilangan Tahun Bilangan ..... Tahun  
....."

7. Untuk maksud pengesahan dalam jawatan dan perletakan ke dalam perjawatan berpencen, tempoh perkhidmatan sementara bukan Kerajaan yang bersambung dengan perkhidmatan sekarang boleh diambil kira. Oleh itu pegawai-pegawai/guru-guru yang telah memenuhi syarat-syarat pengesahan bagi kategori mereka mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10/71, bolehlah disahkan dalam jawatannya sekarang.

8. Pegawai-pegawai/guru-guru yang telah disahkan dalam jawatan mereka dan telah berkhidmat dengan tiada terputus-putus sekurang-kurangnya 3 tahun boleh diperakukan untuk ditempatkan ke dalam perjawatan berpencen mengikut [Perintah Am Bab A 38](#) (1973). Tindakan untuk mengesahkan dalam jawatan dan seterusnya menempatkan mereka ke dalam perjawatan berpencen hendaklah diambil oleh Ketua-Ketua Jabatan dengan mengemukakan perakuan itu kepada Lembaga yang dimaksudkan di perenggan 4.

9. Walau bagaimanapun peraturan untuk pengesahan dalam jawatan dan perletakan ke dalam perjawatan berpencen adalah dilonggarkan bagi mereka yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun dengan tiada terputus-putus apabila dilantik ke dalam Perkhidmatan Pelajaran mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1971 sebagaimana syarat-syarat berikut :-

(i) **Sijil Kesihatan:** Sijil Kesihatan dalam Borang Am 402 tidak lagi dikehendaki.

(ii) **Perakuan Kelakuan Baik:** Perakuan Kelakuan baik seperti dalam [Perintah Am Bab A 36](#)

(1973) adalah dikehendaki seperti biasa.

- (iii) **Penyata Perkhidmatan:** Salinan Penyata Perkhidmatan tidak lagi dikehendaki untuk maksud ini. Borang dalam [Kembaran 'D'](#) yang mesti dipenuhi adalah mencukupi untuk pihak yang berkuasa menimbangankan kelayakan seseorang pegawai/guru.

10. Pegawai-pegawai/guru-guru berkekaan yang layak untuk diletakkan ke dalam perjawatan berpencen bolehlah diletakkan ke dalam perjawatan berpencen pada satu haribulan berikutan keputusan pihak berkuasa diperolehi.

11. Borang seperti dalam [Kembaran 'E'](#) hendaklah digunakan untuk memberitahu seseorang pegawai itu telah disahkan dalam jawatan dan dimasukkan ke dalam perjawatan berpencen. Catatan mengenai pengesahan dalam jawatan dan perletakan ke dalam perjawatan berpencen hendaklah dibuat dalam rekod perkhidmatan.

12. Berhubung dengan soal kekananan, adalah diputuskan bahawa kekananan pegawai-pegawai/guru-guru berkekaan bermula dari tarikh perlantikan mereka ke dalam perkhidmatan tetap mengikut perenggan 3 Surat Pekeliling ini.

13. Pegawai-pegawai/guru-guru perempuan yang telah dilantik ke dalam perkhidmatan tetap dan berpencen hanya akan diminta bersara apabila didapati dengan pastinya bahawa dengan kerana berkahwin kecekapan mereka itu adalah terganggu. Oleh hal yang demikian Kerajaan tidak akan membenarkan sebarang lantikan semula pegawai-pegawai/guru-guru yang disarakan sedemikian melainkan dalam keadaan-keadaan yang istimewa yang akan ditimbangankan dari masa ke semasa.

Saya yang menurut perintah,

(HASHIM BIN HAJI SALLEH)  
Bahagian Perkhidmatan,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Pelajaran  
Rumah Persekutuan,  
[Kuala Lumpur.](#)

Pengarah-pengarah Jabatan Pelajaran Negeri.

Salinan: Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan.  
Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri Semenanjung Malaysia.

KEMBARAN 'A'

.....

.....

.....

Tarikh:.....

.....

.....

.....

Melalui: Guru Besar /Ketua Jabatan

.....

.....

.....

Puan,

**Perlantikan ke Jawatan Tetap dan Berpencen**

Mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 20 Tahun 1973 puan dikehendaki membuat pilihan sendiri samada hendak terus berkhidmat sebagai pegawai perempuan sementara ataupun memilih bagi dilantik ke jawatan tetap dan berpencen.

2. Puan dikehendaki mengisi Borang di [Kembaran 'B'](#) dan mengembalikan tiga salinan pilihan-pilihan yang berkenaan.

3. Jikalau puan tidak mengembalikan Borang 'B' dalam tempoh 3 bulan dari 5hb. September, 1973 puan akan disifatkan sebagai tidak memilih bagi dilantik ke perjawatan tetap dan berpencen.

Saya yang menurut perintah,

.....

Pengerusi Lembaga.

KEMBARAN 'B'

.....

.....

.....

Tarikh:.....

Pengerusi Lembaga,

.....

Melalui: Guru Besar/Ketua Jabatan

.....

.....

.....

Tuan,

**Perlantikan ke jawatan bertaraf tetap dan berpencen**

Merujuk kepada surat tuan..... bertarih..... yang menawarkan jawatan tetap dan pilihan seperti yang ditentukan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 20 Tahun 1973 saya dengan ini memilih:-

- \* (i) untuk terus berkhidmat secara sementara
  
- \* (ii) memilih untuk dilantik ke jawatan tetap dan berpencen tertakluk kepada syarat dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 20 Tahun 1973.

2. Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya faham serta mengetahui bahawa pilihan sendiri ini tidak boleh dibatalkan mengikut syarat-syarat yang terkandung dalam perenggan 4 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 20 Tahun 1973.

Tandatangan:

.....  
Nama Pegawai:

.....

\*Potong mana yang tidak dikehendaki.

KEMBARAN 'C'

.....

.....

.....

Tarikh:.....

.....

.....

.....

Melalui: Guru Besar/Ketua Jabatan

.....

.....

.....

Puan,

**Perlantikan ke jawatan bertaraf Tetap dan Berpencen**

Adalah saya diarah memaklumkan bahawa Lembaga yang telah diwakilkan kuasa menurut Surat Penurunan Kuasa Bilangan 33 Tahun 1971 telah meluluskan supaya puan dilantik ke jawatan bertaraf tetap dan berpencen sebagai pegawai dalam Perkhidmatan Pelajaran (Kategori.....) mulai daripada..... dengan tempoh percubaan tertakluk kepada perenggan 7 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 20 Tahun 1973.

Saya yang menurut perintah,

.....



Pengerusi Lembaga.

KEMBARAN 'D'

Kepada Pengerusi Lembaga

**I. PENGESAHAN DALAM JAWATAN DAN PERLETAKAN KE DALAM PERLETAKAN KE DALAM PERJAWATAN BERPENCEN**

Mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 20 Tahun 1973 adalah diperakukan supaya Puan

..... sebagai Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Kategori  
.....

(Nama penuh)

disahkan dalam jawatan dan dimasukkan ke dalam perjawatan berpencen.

2. Butir-butir mengenai perkhidmatan pegawai diatas adalah seperti berikut:-

- (i) Jawatan ini adalah dalam perkhidmatan Pelajaran dan ianya berpencen.
- (ii) Ia telah berkhidmat dengan tiada terputus-putus selama..... tahun..... bulan di dalam jawatannya mulai dari tarikh.....
- (iii) Skim Perkhidmatan mensyaratkan dia berkhidmat selama ..... untuk disahkan dalam jawatan dan 3 tahun untuk dimasukkan ke dalam perjawatan berpencen.
- (iv) Perakuan Kelakuan Baik sebagaimana yang dikehendaki ada dikembalikan.

**II. PERAKUAN KETUA JABATAN**

Saya sahkan bahawa butir-butir tersebut diatas adalah betul. Diperakukan untuk disahkan dalam jawatan dan diletakkan ke dalam perjawatan berpencen.

.....  
Ketua Jabatan

Tarikh:.....

KEMBARAN 'E'

.....  
.....  
.....

Tarikh:.....

.....  
.....  
.....

Melalui : Guru Besar/Ketua Jabatan

.....  
.....  
.....

Puan,

**Pengesahan/Perletakan ke dalam Perjawatan Berpencen**

Adalah saya memaklumkan bahawa selepas menimbangkan perakuan yang dikemukakan oleh Ketua Jabatan puan maka Lembaga telah memberi perintah supaya puan:-

- \* (a) disahkan dalam jawatan puan,
- \* (b) disahkan dalam jawatan puan dan diletakkan ke dalam perjawatan berpencen.

mulai daripada..... sebagai Pegawai Perkhidmatan Pelajaran  
Kategori.....

\*2. Puan hanya akan layak ditimbangkan untuk diletakkan ke dalam perjawatan berpencen pada.....

.....

Pengerusi Lembaga.

---

\* Potong yang mana tiada berkenaan. Sekiranya hanya pengesahan dalam jawatan yang telah diluluskan, sila beritahu tarikh ia akan layak ditimbangakan untuk diletakkan ke dalam perjawatan berpencen dalam perenggan 2.